

300 siswa hadir seminar kerjaya

Beri pendedahan kepada mahasiswa mengenai peluang kerja dalam bidang insurans

Kerjaya di dalam insurans bersama dan METRO



Percayallah kami demi kehidupan



DR ASMA... beri manfaat.



SURAIDA... persediaan awal.



GEMBIRA... mahasiswa UPM yang menghadiri Seminar Kerjaya Dalam Bidang Insurans berbincang selepas program tamat. — Gambar MAZLAN MOHAMAD

Oleh HAYATI IBRAHIM
ya_t@hmetro.com.my

SERDANG: Kira-kira 300 mahasiswa pelbagai jurusan Universiti Putra Malaysia (UPM) menghadiri Seminar Kerjaya Dalam Bidang Insurans anjuran bersama akhbar Harian Metro dan American International Assurance (AIA) di Kolej Pendeta Za'ba (KPZ) di sini, semalam.

Seminar itu bagi memberi pendedahan dan penerangan kepada mahasiswa UPM mengenai peluang kerjaya yang boleh diperolehi dalam bidang insurans.

Pengetua KPZ, Prof Madya Dr Asma Ahmad, berkata pihaknya berbesar hati kerana kali ini penganjur memberi peluang kepada warga KPZ menyertai seminar yang banyak memberi manfaat kepada mahasiswa, yang sebahagian besar penghuninya adalah mahasiswa Fakulti Ekonomi dan Pengurusan.

"Saya berharap dengan penganjuran seminar seumpama ini, warga kampus menyedari betapa cerahinya peluang kerjaya dalam bidang insurans dan dapat menjawab semua persoalan yang wujud dalam diri masing-masing mengenai insurans.

"Peserta juga dapat mengambil peluang sepenuhnya daripada seminar itu untuk mengumpul ilmu dan maklumat, seterusnya membina cita-cita dalam kerjaya di bidang insurans," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Kerjaya Dalam Bidang Insurans, di sini, semalam.

Turut hadir Pengurus Bahagian Pembangunan Pasaran Bumiputera AIA, Azman Mohd Radzi, Pengarang Projek/Keluaran Khas Harian Metro, Zubairi Zabidin, Pengurus Projek Khas/Jenama Harian Metro/Metro Ahad dan Pengurus Komunikasi Korporat, Soheir Khatib.

Dr Asma berkata, persaingan di pasaran kerjaya sungguh sengit kebelakangan ini, jadi mahasiswa tiada peluang luas untuk memilih pekerjaan setimpal dengan ijazah dimiliki, oleh itu peluang diberikan di depan mata perlu digapai.

Katanya, industri insurans menjadi satu cabang kerjaya yang menjanjikan prospek cerah pada masa depan memandangkan keprihatinan orang ramai mengenai skim insurans yang boleh menjamin kehidupan lebih baik.

Sementara itu, peserta, Suraida Mamat, 25 berkata seminar itu menarik kerana mendapat pendedahan secukupnya mengenai bidang insurans.

"Sebelum ini, maklumat mengenai kerjaya dalam bidang insurans kurang disebarkan kepada mahasiswa.

"Dengan adanya pendedahan begini, kami mendapat maklumat mengenai hala tuju dan masa depan serta mengetahui situasi sebenar kerjaya dalam bidang insurans sebelum memasuki alam pekerjaan," katanya.

Sebelum ini, seminar sama turut diadakan di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam dan program itu akan diteruskan ke beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) lain pada masa depan.